

## **BAB 1**

### **TAFSIRAN UMUM**

#### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan Wang Tak Dituntut (WTD)?**

WTD ialah wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada pemilik yang sepatutnya dalam tempoh masa tertentu seperti mana yang telah ditetapkan oleh Akta WTD 1965.

#### **2. Apakah contoh-contoh WTD?**

- i Wang yang kena dibayar kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam tempoh masa tidak kurang dari dua (2) tahun. Contohnya seperti berikut:
  - a) gaji, upahan, bonus, komisyen dan wang lain yang kena dibayar kepada pekerja atau kakitangan
  - b) dividen
  - c) keuntungan daripada perkongsian yang diisytihar untuk dibahagikan
  - d) tuntutan insurans yang telah diluluskan untuk bayaran
  - e) draf bank, cashier's order dan dokumen lain yang mempunyai fungsi yang serupa di mana tempoh sah lakunya telah luput
  - f) simpanan tetap (tanpa arahan pembaharuan automatik) yang telah matang
  - g) cagaran dan deposit apabila tujuan wang itu dikutip telah tercapai
  - h) pemiutang pelbagai
  - i) penghutang pelbagai yang berbaki kredit

- ii. Wang dalam kredit sesuatu akaun yang tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam tempoh masa tidak kurang dari tujuh (7) tahun. Contohnya seperti berikut:
  - a) akaun simpanan
  - b) akaun semasa
  - c) simpanan tetap (yang mempunyai arahan pembaharuan automatik)
  
- i. Wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan syarikat yang tidak dikendalikan melalui apa-apa urusniaga dalam satu tempoh masa tidak kurang dari dua (2) tahun. Contohnya seperti berikut:
  - a) akaun pemiutang dagangan
  - b) akaun penghutang dagangan berbaki kredit

### **3. Siapakah Pendaftar WTD?**

Akauntan Negara Malaysia telah dilantik oleh Menteri Kewangan sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut berkuatkuasa pada 1 Jun 1975.

### **4. Apakah peranan dan tugas pihak Pendaftar?**

Peranan dan tugas Pendaftar adalah seperti berikut:

- i) Pendaftar bertanggungjawab untuk membayar balik WTD mana-mana pemohon yang dapat membuktikan bahawa pemohon mempunyai hak ke atas WTD tersebut.
- ii) Pendaftar berperanan sebagai pemegang amanah kepada serahan WTD.
- iii) Pendaftar berkuasa untuk memeriksa rekod syarikat atau firma untuk memastikan pematuhan Akta WTD 1965.
- iv) Pendaftar berkuasa menetapkan hukuman denda terhadap syarikat atau firma yang gagal mematuhi peruntukan Akta WTD 1965.

**5. Adakah wang dalam pertelingkahan (money in dispute) di antara pihak-pihak yang mempunyai kepentingan ke atasnya tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Wang dalam simpanan entiti hanya menjadi wang tak dituntut sekiranya wang itu kena dibayar di sisi undang-undang tetapi gagal dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan mengikut peruntukan Akta.

Wang dalam pertelingkahan di antara piha-pihak yang mempunyai kepentingan ke atasnya akan menjadi kena bayar di sisi undang-undang apabila pertelingkahan tersebut selesai. Selepas itu, jika bayaran masih tidak dilakukan kepada empunya dalam tempoh masa yang ditetapkan, wang berkenaan akan menjadi WTD.

**6. Adakah cukai pendapatan yang terlebih dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan diserahkan oleh LHDN kepada Pendaftar?**

LHDN berfungsi sebagai ejen kepada Kerajaan Persekutuan untuk memungut cukai pendapatan. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan tidak tertakluk kepada Akta WTD 1965, maka wang yang tidak dituntut dalam LHDN tidak diserahkan kepada Pendaftar.

**7. Adakah Akta WTD 1965 meliputi empunya tunggal (*sole proprietor*)?**

Akta WTD 1965 tidak meliputi empunya tunggal. Walau bagaimanapun, seksyen 14 Akta memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang mempunyai wang, selain daripada WTD dalam tangan yang belum dituntut oleh empunya, boleh menyerahkan wang tersebut kepada Pendaftar seolah-olah wang tersebut adalah wang tak dituntut yang perlu dibayar walaupun beliau tidak wajib untuk berbuat demikian menurut Akta.

## **8. Berapa lamakah rekod-rekod wang tak dituntut perlu disimpan oleh syarikat atau firma?**

Syarikat atau firma yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 perlu mematuhi kehendak Akta tersebut. Bagi tujuan pematuhan Akta WTD 1965, tempoh masa tujuh tahun yang ditetapkan dalam seksyen 167(2) Akta Syarikat 1965 adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Kehendak Akta WTD 1965 telah dipatuhi sepenuhnya oleh entiti;
- ii. Tempoh masa yang ditetapkan itu dikira sebagai bermula dari tarikh pengauditan ke atas akaun satu-satu tahun itu diselesaikan;
- i. Tiada pemerhatian dibangkitkan oleh pihak audit atau Pendaftar berhubung dengan pematuhan Akta WTD 1965. Jika ada, tempoh masa yang ditetapkan itu dianggap tidak bermula sehingga isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak audit atau Pendaftar, mana yang terkemudian, telah diselesaikan oleh syarikat atau firma.

## **9. Jika satu-satu syarikat atau firma baru menyedari akan wujudnya Akta WTD 1965, adakah syarikat atau firma itu akan didenda kerana gagal mematuhi kehendak Akta berkenaan?**

Akta WTD 1965 tidak memberi kelonggaran kepada syarikat atau firma yang tidak mengisytiharkan wang tak dituntut atas alasan tidak sedar akan wujudnya atau terlupa mematuhi Akta itu. Pendaftar akan memutuskan samada untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat atau firma yang terbabit dengan meneliti keadaan yang menyebabkan ketidakpatuhan Akta itu berlaku. Yang penting adalah syarikat atau firma mengambil tindakan segera untuk menyerahkan wang tak dituntut yang disimpannya.

**10. Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 menghendaki juruaudit syarikat melaporkan kepada ahli-ahli syarikat yang diaudit samada mengikut pendapatnya rekod-rekod perakaunan syarikat telah disimpan teratur supaya memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan urusan kewangan syarikat yang diaudit itu. Adakah juruaudit syarikat dikehendaki melaporkan kepada Pendaftar WTD jika syarikat yang diaudit gagal mematuhi kehendak Akta WTD 1965?**

Rekod WTD yang perlu disimpan menurut kehendak Akta WTD 1965 adalah rekod perakaunan syarikat. 'Annual Return' yang disediakan oleh syarikat menurut peruntukan seksyen 165 Akta Syarikat 1965, antara lain, memberi perakuan bahawa kehendak Akta WTD 1965 telah dipatuhi sepenuhnya. Jika syarikat gagal menyimpan rekod wang tak dituntut dengan teratur, kegagalan itu akan menyebabkan perakuan 'Annual Return' menjadi tidak benar. Rekod-rekod perakaunan juga tidak akan mencerminkan kedudukan yang benar terhadap urusan kewangan syarikat yang terlibat.

Sungguhpun bukan menjadi tanggungjawab juruaudit syarikat untuk melaporkan ketidakpatuhan kehendak Akta WTD 1965 kepada Pendaftar WTD, tetapi juruaudit mempunyai kewajipan untuk melaporkan kelemahan dalam penyimpanan rekod-rekod perakaunan kepada syarikat dan juga Pendaftar Syarikat. Kegagalan pihak juruaudit syarikat dalam hubungan itu merupakan satu kesalahan terhadap Akta Syarikat 1965.

**11. Mengapakah Pendaftar tidak menggunakan saluran yang lebih canggih dan sistematik seperti memaparkan senarai WTD di internet untuk makluman orang ramai?**

Pihak Pendaftar sedar tentang keperluan menyebarkan maklumat tentang WTD kepada orang ramai dengan cara yang lebih baik. Pada masa ini, pihak Pendaftar sedang giat melakukan penambahbaikan bagi membolehkan pencarian wang tak dituntut dilakukan melalui internet.

**12. Apakah yang dilakukan dengan WTD yang disimpan oleh Pendaftar?**

WTD yang diterima diuruskan seperti wang daripada punca-punca lain yang diterima oleh kerajaan. Yang ingin diberi penekanan adalah pada bila-bila masa jika terdapat tuntutan daripada empunya wang, bayaran balik dapat dilakukan.

**13. Apakah perbezaan di antara Pendaftar dengan pihak Amanah Raya Berhad?**

Pendaftar adalah dilantik di bawah Seksyen 9 Akta WTD 1965 untuk melindungi kepentingan empunya wang tak dituntut. Segala urusan berhubung wang tak dituntut adalah dibawah tanggungjawab Pendaftar.

Amanah Raya Berhad pula adalah badan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 untuk tujuan antaranya pengurusan amanah, harta pusaka dan wasiat. Amanah Raya Berhad tiada kaitan dengan pengurusan WTD.

#### **14. Apakah Pendaftar berusaha untuk mengesan empunya wang tak dituntut?**

Pendaftar tidak bertanggungjawab untuk mengesan empunya wang tak dituntut. Sehubungan itu, pihak Pendaftar menggalakan syarikat atau firma mengambil langkah-langkah untuk menghubungi empunya wang tak dituntut dan menjelaskan bayaran kepada pihak yang berhak sebelum menyerahkan wang tersebut kepada Pendaftar.

## **BAB 2**

### **SIAPA YANG TETAKLUK KEPADA AKTA WTD 1965**

#### **1. Siapa yang tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Seksyen 8 Akta WTD 1965 ini telah mewajibkan syarikat/ firma seperti berikut untuk mematuhi:

- i. Syarikat yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 2016, termasuk syarikat asing yang ditetapkan di bawah Penggal 1 Bahagian 5 Akta tersebut.
- ii. Lembaga yang ditubuhkan untuk menguruskan kumpulan wang berkaitan dengan faedah-faedah persaraan seperti KWSP, SOCSO dan sebagainya.
- iii. Pertubuhan dan koperasi yang didaftarkan seperti Pertubuhan Nelayan, Koperasi Polis dan sebagainya.
- iv. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah akta berkaitan seperti FINAS.

- v. Pihak berkuasa awam terdiri daripada pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa diletakhakkan padanya oleh undang-undang persekutuan atau Negeri kecuali yang mendapat pengecualian Menteri Kewangan seperti DBKL.
- vi. Kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 seperti NUBE.
- vii. Firma iaitu pihak-pihak yang bersatu bagi menjalankan perniagaan seperti Firma guaman dan sebagainya.

**2. Adakah syarikat/firma boleh memohon pengecualian dari mematuhi Akta WTD 1965?**

Ya, syarikat/ firma boleh memohon selaras dengan Seksyen 18 Akta WTD 1965 yang memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian bagi sesuatu syarikat /firma.

**3. Apakah tanggungjawab syarikat/ firma yang tertakluk kepada Akta WTD 1965 ini?**

Syarikat /firma bertanggungjawab untuk:

- i. Mengenalpasti kewujudan WTD dalam rekod kewangan syarikat/ firma dan menyimpan rekod WTD dalam tempoh setahun kalendar berakhir 31 Disember
- ii. Membuat Serahan WTD beserta dokumen yang lengkap kepada Pendaftar selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya
- iii. Menyerahkan Daftar WTD bagi tujuan pewartaan
- iv. Memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pegawai Pemeriksa semasa pemeriksaan dijalankan



**4. Adakah hartabenda seperti tanah, rumah dan barang kemas tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Tidak. Akta WTD 1965 hanya tertakluk kepada wang tunai sahaja.

**5. Adakah Skim Unit Amanah dan Sijil Simpanan Premium tertakluk kepada kehendak Akta WTD 1965?**

Skim Simpanan Unit Amanah dan skim-skim lain yang bercirikan pelaburan dalam bentuk saham / unit amanah adalah skim pelaburan khas yang mana pengurusannya adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Skim pelaburan seperti ini tidak mempunyai sebarang tarikh kematangannya. Sehubungan itu ianya tidak tertakluk kepada peruntukan Akta WTD 1965.

Walau bagaimanapun, wang berhubung skim-skim sedemikian adalah tertakluk kepada Akta WTD 1965 dalam keadaan berikut:

- i. terdapat cek untuk bayaran wang keuntungan pelaburan kepada pencarum skim yang gagal ditunaikan dalam tempoh masa setahun; atau
- ii. Pencarum menyerah/menjual balik unit pelaburan dan gagal menunaikan cek bayaran balik baki wang pelaburan dalam tempoh setahun dari tarikh serahan / jualan balik; atau
- iii. operasi pelaburan ditamatkan dan baki wang pelaburan tidak dibayar balik kepada pencarum dalam tempoh masa setahun dari tarikh perkhidmatan dihentikan.

**6. Adakah wang caruman dalam KWSP tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Wang caruman KWSP adalah tertakluk kepada Akta WTD1965 dalam keadaan berikut:

- i. KWSP gagal membuat bayaran terhadap sebarang liabiliti yang timbul kepada pencarum
- ii. KWSP gagal membayar caruman kepada pencarum yang telah mencapai umur 100 tahun selaras seksyen 51A Akta KWSP 1991.

**7. Akaun Simpanan Al-Wadiah merupakan akaun simpanan yang berkonsepkan Perbankan Islam. Apakah ianya tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Semua jenis akaun simpanan adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965. Objektif utama Akta tersebut adalah untuk melindungi hak empunya wang tak dituntut tanpa mengira cara satu-satu akaun simpanan dikendalikan. Oleh itu, jika terdapat akaun simpanan yang tidak dikendalikan oleh empunya melebihi tempoh 7 tahun, ianya akan menjadi WTD.

**8. Sekiranya syarikat dikenakan '*Restraining Order*' mengikut seksyen 368(1) Akta Syarikat 2016, perlukah syarikat berkenaan menyerahkan WTD dalam pegangannya kepada Pendaftar?**

Sebarang arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah atau mana-mana undang-undang yang menghalang satu-satu bayaran akan menjadikan wang yang terlibat 'belum kena dibayar di sisi undang-undang', seterusnya wang itu tidak tertakluk kepada Akta WTD 1965 sehingga arahan / perintah yang berkenaan ditarik balik atau luput.

**9. Adakah hutang syarikat / firma kepada pemiutang luar negeri tertakluk kepada kehendak Akta WTD 1965?**

Ya. Status empunya wang tidak penting bagi tujuan Akta WTD 1965. Jika syarikat / firma gagal melakukan pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan (termasuk pemiutang luar negeri) wang itu akan menjadi WTD.

**10. Adakah peruntukan (*provision*) kewangan yang dibuat oleh syarikat / firma tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

*Provision* yang dibuat oleh syarikat / firma tidak tertakluk kerana peruntukan tersebut merupakan anggaran dan bukan amaun yang kena dibayar di sisi undang-undang.

**11. Adakah syarikat yang berada dalam proses penggulungan atau pembubaran syarikat, tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Syarikat yang berada dalam proses penggulungan atau pembubaran samada penggulungan melalui perintah mahkamah, secara sukarela (melalui keputusan ahli- ahli atau pemiutang) ataupun melalui pembatalan oleh Pendaftar Syarikat tidak tertakluk kepada Akta WTD 1965.

**12. Apakah yang perlu dilakukan oleh syarikat untuk mendapatkan pengesahan bukan WTD bagi penghutang/pemiutang yang tidak lagi menjalankan perniagaan/ di dalam proses pembubaran?**

Syarikat perlu mendapatkan pengesahan hutang melalui pelikuidasi atau menyerahkan WTD tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

## BAB 3

### WTD DIBAWAH KATEGORI (A) – 2 TAHUN

1. **Jika pemiutang membenarkan penangguhan bayaran, bilakah akaun pemiutang pelbagai (*other payable*) yang terlibat menjadi tak dituntut?**

Akaun pemiutang pelbagai akan menjadi kena dibayar di sisi undang-undang (*legally payable*) apabila tamat tempoh penangguhan bayaran tersebut. Jika pemiutang pelbagai tersebut masih tidak dibayar dalam tempoh dua (2) tahun selepas tempoh penangguhan bayaran tamat, akaun pemiutang pelbagai itu akan dikategorikan sebagai Wang Tak Dituntut.

Kebenaran penangguhan bayaran tanpa tempoh yang jelas adalah tidak diterima.

2. **Sekiranya syarikat/firma masih menerima dividen bagi saham yang telah dijual, adakah wang yang diterima itu tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Dividen yang diterima oleh syarikat/firma bagi saham yang telah dijual adalah tertakluk kepada Akta WTD 1965.

3. **Adakah draf bank asing (*foreign bank draft*) tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Ya, draf bank asing juga tertakluk di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965.

4. **Sekiranya syarikat/firma mempunyai gaji pekerja yang belum dibayar untuk tahun sebelumnya dan pekerja berkenaan juga mempunyai hutang dengan syarikat/firma, bolehkah syarikat/firma menolak hutang berkenaan daripada gaji tak dibayar itu?**

Boleh. Jika perjanjian atau syarat-syarat perkhidmatan membenarkan majikan menolak hutang pekerja daripada gaji pekerja yang tidak dibayar, lebihan gaji pekerja selepas ditolak hutang akan dikategorikan sebagai Wang Tak Dituntut.

5. **Adakah *non-refundable deposit* tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Tidak. Walau bagaimanapun, jika tiada perjanjian bertulis antara syarikat/firma dan pelanggan, deposit hendaklah dikembalikan kepada pelanggan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh kena bayar di sisi undang-undang (*legally payable*). Sekiranya, syarikat/firma gagal berbuat demikian, deposit tersebut akan dikategorikan sebagai WTD.

6. **Terdapat Undang-Undang Kecil Koperasi yang menetapkan bahawa wang modal ahli hendaklah dipulangkan selepas tarikh ahli berkenaan berhenti menjadi ahli. Jika koperasi gagal melakukan bayaran balik wang modal kepada bekas ahlinya, bilakah wang itu akan menjadi WTD?**

Tempoh dua (2) tahun adalah dikira dari tarikh ahli berhenti. Jika dalam tempoh tersebut koperasi masih gagal untuk membuat bayaran maka ianya perlu diserahkan sebagai WTD.

- 7. Jika ahli koperasi berhenti menjadi ahli dan bersetuju agar wang modal beliau didermakan kepada koperasi, adakah wang modal tersebut tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Wang modal ahli koperasi yang didermakan kepada koperasi tidak tertakluk kepada Akta WTD 1965 jika terdapat peruntukan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi atau persetujuan bertulis antara koperasi dan ahli koperasi bagi berbuat demikian.

- 8. Adakah koperasi dibenarkan membuat potongan terhadap wang modal ahli yang telah berhenti menjadi ahli bagi menolak hutang ahli koperasi tersebut?**

Koperasi boleh membuat potongan terhadap wang modal ahli yang telah berhenti menjadi ahli jika terdapat peruntukan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi atau persetujuan bertulis antara koperasi dan ahli koperasi tersebut. Walaubagaimanapun lebihan wang modal ahli selepas potongan hendaklah diserahkan sebagai Wang Tak Dituntut.

- 9. Jika syarikat/firma menahan gaji pekerja yang telah berhenti kerana menunggu maklum balas daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, adakah syarikat/firma perlu mematuhi Akta WTD 1965 sedangkan pekerja yang terlibat menyedari akan keperluan Akta Cukai Pendapatan 1967?**

Perkara 83 (5), Akta Cukai Pendapatan 1967 telah menjelaskan bahawa majikan perlu menahan gaji pekerja yang berhenti sehingga 90 hari dari tarikh notis kepada pihak LHDN. Jika terdapat sebarang arahan daripada pihak LHDN, majikan perlu mematuhi arahan berkenaan.

Walau bagaimanapun, jika tiada sebarang maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, gaji tersebut menjadi kena bayar di sisi undang-undang (*legally payable*) dan pihak majikan hendaklah membayar gaji yang ditahan kepada pekerja yang berkenaan. Gaji pekerja akan dikategorikan sebagai WTD jika tidak dibayar tempoh dua (2) tahun dari tarikh gaji tersebut kena bayar di sisi undang-undang.

**10. Bagaimanakah draf bank (*bank draft*) menjadi WTD dan siapakah yang berhak menuntut draf bank tersebut?**

Draf bank dikategorikan sebagai WTD sekiranya gagal dipulangkan kepada pembeli atau dituntut oleh penerima selepas dua (2) tahun dari tarikh luput tempoh sah laku.

Pihak yang memegang draf bank tersebut samada pembeli (*applicant*) atau penerima (*recipient*) boleh membuat tuntutan terhadap draf bank yang telah diserahkan kepada Pendaftar WTD dengan mengemukakan dokumen yang diperlukan selaras dengan prosedur tuntutan bayaran balik WTD yang sedang berkuatkuasa.

**11. Adakah wang tahanan dikategorikan sebagai WTD selepas tamat tempoh tanggungan kecatatan (*defect liability period*)?**

Wang tahanan adalah wang yang perlu dibayar di sisi undang-undang (*legally payable*) selepas tamat tempoh tanggungan kecatatan (*defect liability period*).

Wang tahanan tersebut perlu diserahkan kepada Pendaftar WTD sebagai WTD apabila ianya gagal diserahkan selepas tempoh dua (2) tahun dari tarikh tamat tempoh tanggungan kecatatan (*defect liability period*).

- 12. Adakah gaji yang tidak dibayar kepada pekerja dikategorikan sebagai WTD walaupun gaji tersebut tidak dituntut oleh pekerja berkenaan?**

Ya. Gaji yang tidak dibayar kepada pekerja dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh kena bayar di sisi undang-undang (*legally payable*) akan dikategorikan sebagai WTD.

- 13. Adakah dividen yang perlu dibayar kepada bekas ahli koperasi yang telah meninggal dunia tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Dividen yang perlu dibayar kepada bekas ahli koperasi yang telah meninggal dunia dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh kena bayar di sisi undang-undang (*legally payable*) akan dikategorikan sebagai WTD.

- 14. Sekiranya pemaju perumahan mengutip deposit daripada pembeli rumah, bilakah deposit yang dibayar oleh pembeli rumah tersebut akan dikategorikan sebagai WTD?**

Peraturan 11 (2), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1989 (P.U. (A) 58/1989) melarang pemaju perumahan mengutip apa-apa bayaran dengan apa-apa nama sekalipun kecuali sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak jual-beli rumah.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat klausa dalam kontrak jual-beli rumah yang membolehkan pemaju perumahan memungut deposit daripada pembeli rumah dan deposit akan dipulangkan kepada pembeli rumah apabila syarat tertentu dipenuhi, maka deposit tersebut menjadi kena bayar di sisi undang-undang (*legally payable*) apabila syarat yang dinyatakan telah dipenuhi. Deposit tersebut akan dikategorikan sebagai WTD selepas dua (2) tahun dari tarikh kena bayar di sisi undang-undang (*legally payable*) selaras dengan Perkara 8, Akta WTD 1965.



- 15. Jika dividen yang telah dibayar gagal ditunaikan oleh ahli koperasi dan dimasukkan semula ke dalam caruman ahli koperasi tersebut, adakah dividen tersebut akan dikategorikan sebagai WTD?**

Dividen yang gagal ditunaikan oleh ahli koperasi dan dimasukkan semula dalam caruman ahli koperasi tersebut tidak tertakluk pada Akta WTD 1965 jika terdapat peruntukan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi atau persetujuan bertulis antara koperasi dan ahli koperasi bagi berbuat demikian. Namun, jika tiada peruntukan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi atau persetujuan bertulis, dividen yang tidak ditunaikan akan dikategorikan sebagai WTD.

- 16. Adakah pinjaman daripada Pengarah (*amount owe to director*) kepada syarikat/firma tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965?**

Jika pinjaman yang diberikan oleh Pengarah kepada syarikat/firma mempunyai tempoh bayaran balik, pinjaman tersebut akan dikategorikan sebagai WTD jika bayaran gagal dibuat dalam tempoh dua (2) tahun selepas tempoh bayaran balik tamat.

Jika pinjaman yang diberikan oleh Pengarah kepada syarikat/firma tidak mempunyai tempoh bayaran balik, pinjaman tersebut tidak dikategorikan sebagai WTD.

**17. Adakah wang yang dikreditkan dalam akaun bank syarikat/firma tanpa mengetahui identiti dan tujuan wang tersebut tertakluk di bawah Akta WTD 1965?**

Wang yang dikreditkan dalam akaun bank syarikat/firma tanpa mengetahui identiti dan tujuan wang tersebut adalah tertakluk kepada Akta WTD 1965. Hal ini disebabkan Akta WTD 1965 menekankan hak kepunyaan berbanding identiti empunya sebagai penentu samada satu-satu wang tertakluk kepada Akta WTD 1965. Oleh itu, wang yang dikreditkan dalam akaun bank syarikat/firma tersebut akan dikategorikan sebagai WTD dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh wang tersebut dikreditkan dalam akaun bank syarikat/firma.

## **BAB 4**

### **WTD DIBAWAH KATEGORI (B) – 7 TAHUN**

**1. Apakah maksud WTD di bawah kategori (B) Seksyen 8 Akta WTD 1965?**

Merujuk kepada Seksyen 8 Akta WTD 1965, maksud WTD di bawah kategori (B) adalah wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh melebihi dari tujuh (7) tahun.

**2. Apakah contoh WTD di bawah kategori (B) Seksyen 8 Akta WTD 1965?**

Contoh WTD di bawah kategori (B) Seksyen 8 Akta WTD 1965 adalah seperti berikut:

- i. Akaun Simpanan (*Saving Account*)
- ii. Simpanan Tetap dengan pembaharuan secara automatik (*Fixed Deposit*)
- iii. Akaun Bersama (*Joint Account*)
- iv. Akaun Semasa (*Current Account*)
- v. Akaun Amanah (*Trustee Account*)

## **BAB 5**

### **WTD DI BAWAH KATEGORI (C) – 2 TAHUN**

- 1. Adakah cek yang dibayar kepada pemiutang dagangan tetapi tidak ditunaikan akan dianggap sebagai satu transaksi?**

Jika cek tidak ditunaikan, bayaran itu dianggap tidak sempurna. Dengan ini, urusan bayaran itu dianggap tidak berlaku (iaitu akaun pemiutang tidak dianggap sebagai diaktifkan). Akaun pemiutang yang tidak aktif setelah genap tempoh masa dua tahun akan menjadi wang tak dituntut.

- 2. Jika satu-satu akaun pemiutang dagangan yang tidak aktif mempunyai hubungan kepunyaan (related company) di antara syarikat dengan pemiutang yang terlibat, adakah akaun pemiutang dagangan berkenaan masih tertakluk kepada kehendak Akta WTD 1965?**

Setiap syarikat mempunyai identitinya tersendiri. Walaupun sebuah syarikat itu mempunyai hubungan kepunyaan (related company) dengan syarikat yang menjadi pemiutangnya, syarikat tersebut juga perlu mematuhi kehendak Akta WTD 1965.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan Akta, jika ketidakaktifan satu-satu akaun pemiutang dagangan adalah berpunca daripada persetujuan di antara 'related company' untuk menanggungkan bayaran sehingga suatu tarikh kelak, ia akan dianggap sebagai satu pinjaman kepada syarikat berkenaan dan akan menjadi WTD selepas dua (2) tahun dari tarikh kena bayar balik pinjaman tersebut.

Sekiranya tarikh bayaran balik tidak ditetapkan, wang itu akan menjadi tak dituntut selepas dua (2) tahun dari tarikh persetujuan dibuat. Sebarang persetujuan di antara syarikat dengan 'related company' perlu dibuktikan oleh syarikat yang terlibat.

- 3. Katakan syarikat atau firma masih aktif berurusanniaga dengan salah satu pemiutang dagangan. Jika terdapat cek bagi bayaran bil pemiutang berkenaan tidak ditunaikan sungguhpun telah melampaui dua (2) tahun, adakah hutang yang belum dijelaskan bayaran itu tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Akta Wang Tak Dituntut 1965 menjelaskan bahawa baki kredit dalam akaun pemiutang dagangan yang tidak berurusanniaga selama dua (2) tahun adalah tertakluk kepada kehendak Akta. Bagi pemiutang dagangan yang aktif, sungguhpun mungkin terdapat hutang tertentu di dalamnya yang telah melebihi dua (2) tahun tetapi belum dibayar, akaun pemiutang tersebut belum dianggap sebagai wang tak dituntut.

- 4. Adakah nota kredit yang tidak dituntut menjadi wang tak dituntut?**

Sama ada hutang menjadi tak dituntut adalah berdasarkan jenis hutang dan bukan dokumen yang mewujudkannya. Akaun pemiutang dagangan akan menjadi wang tak dituntut jika tidak dibayar dalam tempoh masa dua (2) tahun tidak kira akaun itu timbul dari nota kredit atau sebaliknya.

**5. Jika pemiutang tidak wujud lagi, adakah hutang itu masih tertakluk kepada Akta WTD 1965?**

Status pemiutang tidak penting bagi tujuan Akta WTD 1965. Sungguhpun pemiutang tidak lagi wujud, hutang masih tertakluk kepada Akta. Mana-mana pihak yang mempunyai hak di sisi undang-undang terhadap wang berkenaan boleh menuntut wang itu sama ada daripada syarikat atau firma (jika wang belum diserahkan kepada Pendaftar) ataupun Pendaftar Wang Tak Dituntut (jika wang telah diserahkan kepada Pendaftar).

**6. Untuk akaun penghutang dagangan yang gagal menjelaskan hutangnya selama dua (2) tahun, bolehkah syarikat atau firma melaporkan hal itu kepada Pendaftar?**

Syarikat atau firma tidak dihalang daripada melaporkan kegagalan mana-mana pihak mematuhi Akta WTD 1965 itu kepada Pendaftar. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa peranan Pendaftar adalah untuk melindungi kepentingan empunya WTD dan bukan sebagai pemungut hutang bagi mana-mana pihak. Sekiranya Pendaftar melakukan pemeriksaan ke atas syarikat/firma tersebut, ianya adalah semata-mata untuk menunaikan kewajipan menurut Akta.

Pihak Pendaftar yang menjalankan pemeriksaan juga terikat dengan Akuan Menyimpan Rahsia dan tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat yang diperolehi daripada pemeriksaan tersebut kepada pihak luar.

Selain itu, pihak yang mengalami kesulitan mendapat kembali wang yang dihutang daripada penghutangnya bolehlah mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang tersebut mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.

## BAB 6

### LAIN-LAIN KATEGORI

#### (I) SERAHAN

1. **Bolehkah semua jenis WTD direkodkan dalam Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang sama?**

Semua jenis wang tak dituntut boleh direkodkan dalam Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang sama.

2. **Sekiranya syarikat/firma ada menyimpan sesuatu amaun yang bukan miliknya dan identiti empunya tidak diketahui, apakah tindakan yang seharusnya dilakukan oleh syarikat/firma?**

Amaun yang tidak dituntut tersebut dikategorikan sebagai WTD dan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar WTD. Bagi identiti empunya yang tidak dikenalpasti, syarikat/firma hendaklah melengkapkan Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) dengan apa-apa maklumat unik yang dapat membantu syarikat/firma mengeluarkan surat pengesahan apabila terdapat pemohon yang sah ingin membuat permohonan bayaran balik WTD.

3. **Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat serahan WTD?**

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- (i) Dua (2) salinan asal Borang UMA-4 (Pin.1/2018) – Borang Serahan WTD
- (ii) Dua (2) salinan asal Bukti Bayaran
- (iii) Dua (2) salinan Daftar Wang Tak Dituntut (Pin.1/2018) – *encrypted* dan disimpan dalam *Compact Disc* (CD)
- (iv) Dua (2) salinan asal Borang UMA-1 (Pin.1/2018) – Borang Pendaftaran

**4. Apa yang perlu dilakukan jika syarikat/firma mempunyai WTD yang tertunggak?**

WTD yang tertunggak ialah WTD yang perlu diserahkan oleh syarikat/firma pada tahun-tahun sebelumnya tetapi gagal diserahkan kepada Pendaftar WTD. Berhubung WTD yang tertunggak, syarikat/firma hendaklah membuat serahan kepada Pendaftar WTD dengan kadar segera. Hal ini disebabkan syarikat/firma boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari selama kemungkiran mematuhi Akta WTD 1965 berterusan jika disabitkan bersalah. Walau bagaimanapun, syarikat/firma dibenarkan membuat serahan WTD yang tertunggak bersama-sama WTD yang dikenalpasti dalam tahun semasa dalam dua (2)serahan.

**5. Sekiranya syarikat membuat serahan buat kali pertama, apakah Kod Entiti yang perlu diisi pada kolum A1 dalam Daftar Wang Tak Dituntut (Excel)?**

Kod Entiti ialah nombor unik yang dijana oleh Pendaftar WTD untuk syarikat/firma yang didaftarkan bagi tujuan serahan WTD. Syarikat/firma perlu mendapatkan Kod Entiti dengan melengkapkan Borang UMA-1 (Pin.1/2018) bagi mendapatkan Kod Entiti. Syarikat/firma hendaklah menyimpan dan menggunakan Kod Entiti yang sama setiap kali membuat serahan WTD.

- 6. Adakah syarikat/firma perlu membuat serahan WTD sebaik sahaja satu-satu wang menjadi WTD? Adakah wang yang menjadi WTD pada bulan Mei perlu diserahkan pada bulan Mei juga?**

Syarikat/firma tidak perlu membuat serahan WTD setiap kali satu-satu wang menjadi WTD. Sebaliknya, syarikat/firma hendaklah menyediakan dan menyimpan Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang meliputi semua wang yang menjadi WTD bermula dari 1 Januari sehingga 31 Disember tahun semasa. Kemudian, syarikat/firma hendaklah membuat serahan WTD tersebut selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya kepada Pendaftar WTD.

- 7. Bolehkah syarikat/firma menggunakan tandatangan digital atau tandatangan cetakan komputer bagi menandatangani Borang UMA-1 (Pin.1/2018) dan Borang UMA-4 (Pin.1/2018) yang dihantar kepada Pendaftar WTD?**

Syarikat/firma tidak dibenarkan menggunakan tandatangan digital atau tandatangan cetakan computer bagi menandatangani dua (2) salinan Borang UMA-1 (Pin.1/2018) dan dua (2) salinan Borang UMA-4 (Pin.1/2018).

- 8. Siapa yang berkuasa menandatangani Borang UMA-1 (Pin.1/2018) dan Borang UMA-4 (Pin.1/2018)?**

Borang UMA-1 (Pin.1/2018) hendaklah ditandatangani oleh Pengarah (*Director*) atau Pengurus Besar (*General Manager*) atau mana-mana pegawai tertinggi dalam struktur organisasi syarikat/firma.

Borang UMA-4 (Pin.1/2018) hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberikuasa Membuat Serahan WTD yang disenaraikan dalam Borang UMA-1 (Pin.1/2018).



**9. Apakah terdapat amaun minimum WTD yang perlu diserahkan oleh syarikat/firma kepada Pendaftar WTD?**

Akta WTD 1965 tidak memperuntukkan amaun minimum WTD yang perlu diserahkan kepada Pendaftar WTD. Oleh itu, syarikat/firma hendaklah menyerahkan semua WTD tanpa terhad pada apa-apa amaun kepada Pendaftar WTD. Amaun yang diterima oleh Pendaftar WTD tersebut akan dibayar semula kepada pemohon yang berhak.

**10. Adakah syarikat/firma masih perlu membuat serahan WTD walaupun tidak menyimpan WTD?**

Syarikat/firma yang tidak menyimpan WTD tidak perlu membuat serahan WTD. Walau bagaimanapun, syarikat/firma hendaklah membuat pengisytiharan bahawa tiada WTD pada tahun tersebut kepada Pendaftar WTD.

**11. Bolehkah syarikat/firma menandatangani dua (2) salinan borang UMA-4 (Pin.1/2018) dan membuat salinan fotokopi?**

Dua (2) salinan orang Borang UMA-4 (Pin.1/2018) hendaklah ditandatangani dan dihantar kepada Pendaftar WTD. Salinan fotokopi adalah tidak dibenarkan.

**12. Adakah syarikat/firma yang tidak mematuhi peruntukan Akta WTD 1965 akan didenda walaupun amaun WTD tidak besar?**

Akta WTD 1965 tidak memperuntukkan amaun minimum WTD yang perlu diserahkan kepada Pendaftar WTD. Oleh itu, syarikat/firma hendaklah menyerahkan semua WTD tanpa terhad pada apa-apa amaun kepada Pendaftar WTD. Kegagalan mematuhi Akta WTD boleh menyebabkan syarikat/firma dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 setiap hari selama kemungkiran mematuhi Akta WTD 1965 berterusan.

**13. Bagi akaun simpanan tetap yang telah menjadi WTD, adakah faedah yang diperolehi daripada akaun berkenaan perlu diserahkan kepada Pendaftar WTD?**

Jika faedah dikreditkan dalam akaun simpanan tetap yang dikategorikan sebagai WTD, maka faedah tersebut juga akan dikategorikan sebagai WTD selaras dengan Perkara 8, Akta WTD 1965. Walau bagaimanapun, jika faedah yang diperolehi dikreditkan ke akaun lain yang masih aktif, maka faedah tersebut tidak dikategorikan sebagai WTD.

**14. Adakah syarikat/firma akan didenda disebabkan tidak menyerahkan WTD kerana menghadapi masalah kewangan?**

Masalah kewangan tidak boleh dijadikan alasan oleh syarikat/firma bagi mengelak daripada membuat serahan WTD. Kegagalan mematuhi peruntukan Akta WTD 1965 boleh menyebabkan syarikat/firma didenda tidak melebihi RM20,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari selama kemungkiran mematuhi Akta WTD 1965 berterusan.

**15. Adakah Pendaftar WTD membenarkan syarikat/firma membuat permohonan penangguhan serahan WTD dan berapa lamakah tempoh penangguhan akan diberikan?**

Syarikat/firma hendaklah mengemukakan permohonan penangguhan serahan WTD selewat-lewatnya pada tarikh akhir membuat serahan WTD iaitu 31 Mac setiap tahun. Permohonan rasmi hendaklah dibuat secara bertulis dengan justifikasi yang kukuh. Pendaftar WTD akan mempertimbangkan permohonan tersebut dan menetapkan tempoh penangguhan yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, Pendaftar WTD juga berkuasa untuk menolak permohonan penangguhan yang dikemukakan oleh syarikat/firma.

**16. Bolehkah syarikat/firma membuat serahan WTD kepada Pendaftar WTD secara ansuran?**

Pendaftar WTD berkuasa mempertimbangkan permohonan syarikat/firma yang mengalami masalah kewangan yang serius untuk membuat serahan WTD secara ansuran. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar WTD secara bertulis dengan justifikasi yang kukuh dan dokumen sokongan yang munasabah selewat-lewatnya pada tarikh akhir membuat serahan WTD iaitu 31 Mac setiap tahun. Walau bagaimanapun, Pendaftar WTD juga berkuasa untuk menolak permohonan membuat serahan WTD secara ansuran yang dikemukakan oleh syarikat/firma.

**17. Bolehkah syarikat/firma memohon untuk mendapatkan pengesahan atau menyemak semula rekod Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang telah dihantar kepada Pendaftar WTD?**

Syarikat/firma hendaklah menyimpan satu (1) salinan Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang dihantar kepada Pendaftar WTD bagi tujuan penyediaan surat pengesahan apabila pemohon membuat permohonan tuntutan WTD pada masa akan datang. Jika berlaku kehilangan rekod WTD, syarikat/firma boleh mendapatkan salinan Daftar Wang Tak Dituntut yang telah diwartakan di Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) atau membuat semakan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) atau Jabatan Arkib Negara.

**18. Adakah syarikat/firma perlu membuat serahan WTD yang disimpan dalam matawang asing?**

WTD yang disimpan dalam matawang asing tertakluk pada Akta WTD 1965. Oleh itu, syarikat/firma hendaklah menukar WTD tersebut pada matawang Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran matawang bertarikh 31 Disember seperti dipaparkan dalam laman portal Bank Negara Malaysia (BNM).

**19. Bilakah hukuman denda dikira akibat ketidakpatuhan kepada Akta WTD 1965?**

Hukuman denda dikira mulai tarikh kemungkiran berlaku sehingga tarikh kehendak Akta WTD 1965 dipatuhi. Contohnya, Akta WTD 1965 telah memperuntukkan bahawa syarikat/firma hendaklah membuat serahan WTD selewat-lewatnya pada 31 Mac 2020. Walau bagaimanapun, syarikat/firma gagal membuat serahan WTD dalam tempoh yang ditetapkan dan hanya membuat serahan WTD pada 1 Mei 2020. Berdasarkan situasi tersebut, syarikat/firma boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM50,000 iaitu denda tidak melebihi RM 20,000 kerana gagal mematuhi Perkara 10(2), Akta WTD 1965 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 setiap hari selama 30 hari kemungkiran mematuhi Akta WTD 1965 berlaku.

**20. Adakah syarikat/firma yang membuat serahan WTD boleh menuntut semula WTD tersebut jika tidak dituntut oleh pemohon yang berhak?**

Syarikat/firma tidak dibenarkan menuntut semula WTD yang telah diserahkan kepada Pendaftar WTD kecuali jika syarikat/firma telah membuat bayaran kepada empunya WTD atau terdapat kesilapan dalam Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang diserahkan oleh syarikat/firma kepada Pendaftar WTD. Syarikat/firma hendaklah mengemukakan justifikasi yang kukuh dan dokumen sokongan yang munasabah bagi menyokong permohonan tuntutan semula WTD yang telah diserahkan kepada Pendaftar WTD.

**21. Berapa lamakah serahan WTD yang dihantar oleh syarikat/firma boleh dituntut semula oleh pemohon yang berhak daripada Pendaftar WTD?**

Pemohon boleh menyemak dan membuat permohonan tuntutan WTD selepas satu (1) bulan daripada tarikh Pendaftar WTD menerima dokumen serahan WTD yang lengkap daripada syarikat/firma.

**22. Apakah bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat/firma yang gagal mematuhi Akta WTD 1965?**

Perkara 10(4) dan Perkara 10A(2), Akta WTD 1965 memperuntukkan bahawa syarikat/firma yang gagal mematuhi Perkara 10(1) dan Perkara 10(2) Akta WTD 1965, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM20,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari selama kemungkiran itu berterusan.

**23. Adakah hukuman denda ketidakpatuhan terhadap Akta WTD 1965 terhadap kepada syarikat/firma sahaja?**

Perkara 10(4) Akta WTD 1965 menjelaskan bahawa denda yang dikenakan tidak terhadap kepada syarikat/ firma sahaja. Sebaliknya, mana-mana pegawai dalam syarikat/firma yang menyebabkan kesalahan dibawah Perkara 10(1) dan Perkara 10(2) Akta WTD 1965 juga boleh dihukum denda.

Perkara 16, Akta WTD 1965 pula menjelaskan bahawa mana-mana pihak yang disyaki melakukan kesalahan boleh dikenakan kompaun oleh Pendaftar WTD melalui kebenaran bertulis oleh Pendakwaraya dengan amaun tidak melebihi 50% dari denda maksimum bagi kesalahan tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan pendakwaan tidak akan diambil bagi sesiapa yang membayar kompaun berkenaan

- 24. Pegawai syarikat/firma yang ditugaskan bagi menyediakan Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) telah meletakkan jawatan dan menyebabkan syarikat/firma tidak atau lewat membuat serahan WTD kepada Pendaftar WTD dalam tempoh yang ditetapkan. Adakah syarikat/firma dan pegawai yang telah meletakkan jawatan boleh dihukum denda?**

Kewajipan untuk mematuhi peruntukan Akta WTD 1965 adalah pada syarikat/firma. Ketidapatuhan terhadap Akta WTD 1965 dengan alasan pegawai yang ditugaskan telah meletak jawatan adalah tidak munasabah. Perkara 8, Akta WTD 1965 menjelaskan bahawa Pengarah atau Setiausaha atau mana-mana kakitangan syarikat/firma yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran syarikat/firma adalah bertanggungjawab memastikan kehendak Akta WTD 1965 dipatuhi. Walau bagaimanapun, pegawai yang telah meletakkan jawatan tidak tertakluk kepada Akta WTD 1965.

- 25. Bagaimanakah syarikat/firma boleh mendapatkan dokumen serahan WTD?**

Syarikat/firma boleh memuat turun borang-borang serahan WTD dengan melayari laman portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia ([www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)) atau laman portal eWTD ([www.ewtd.anm.gov.my](http://www.ewtd.anm.gov.my)).

- 26. Bagaimanakah syarikat/firma boleh mendapatkan Warta Kerajaan mengenai rekod Daftar Wang Tak Dituntut?**

Syarikat/firma boleh mendapatkan salinan Daftar Wang Tak Dituntut yang telah diwartakan di Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) atau membuat semakan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) atau Jabatan Arkib Negara.

**27. Adakah syarikat/firma boleh membuat serahan WTD secara dalam talian?**

Bermula dari 1 Februari 2020, syarikat/firma boleh membuat serahan WTD secara dalam talian melalui perkhidmatan eGUMIS Serahan yang terdapat dalam laman portal eWTD ([www.ewtd.anm.gov.my](http://www.ewtd.anm.gov.my)).

**28. Proses *encryption* Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) yang sedang digunakan agak rumit? Apakah terdapat kaedah *encryption* yang lebih mudah?**

Bermula dari 1 Februari 2020, syarikat/firma boleh membuat *encryption* ke atas Daftar Wang Tak Dituntut (Excel) menggunakan perisian *Submission Tool* yang terdapat dalam laman portal eWTD ([www.ewtd.anm.gov.my](http://www.ewtd.anm.gov.my)).

**(II) BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT**

**1. Bagaimana membuat permohonan Bayaran Balik WTD?**

Borang permohonan Bayaran Balik WTD, UMA-7 perlu diisi lengkap oleh pemohon yang berhak ke atas WTD. Borang UMA-7 tersebut hendaklah dilengkapi berdasarkan garis panduan yang disediakan di laman web sebagai rujukan semasa membuat permohonan bayaran balik WTD.

**2. Adakah pihak yang ingin membuat permohonan bayaran balik WTD perlu hadir ke Pejabat Pendaftar?**

Pihak yang ingin membuat permohonan bayaran balik WTD tidak semestinya hadir ke kaunter Pejabat Pendaftar/JANM Negeri dan Cawangan. Manakala dokumen permohonan tuntutan juga boleh dikemukakan melalui pos ke alamat Pejabat Pendaftar.

**3. Untuk tuntutan bayaran balik WTD, adakah Pendaftar menetapkan had amaun minimum yang boleh dituntut?**

Tiada had amaun minimum bagi tuntutan bayaran balik WTD.

**4. Berapa lama masa yang diambil oleh Pejabat Pendaftar untuk menguruskan bayaran balik WTD?**

Bayaran balik akan dikreditkan ke akaun pemohon yang berhak dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh dokumen tersebut diterima, disahkan lengkap dan didaftarkan di dalam sistem Pendaftar.

**5. Adakah Pendaftar mengenakan caj perkhidmatan bagi memproses permohonan bayaran balik WTD?**

Tiada sebarang bayaran atau caj perkhidmatan dikenakan oleh Pendaftar untuk memproses dan membayar balik WTD.

**6. Adakah faedah akan dibayar ke atas WTD yang disimpan oleh Pendaftar?**

Menurut Seksyen 11(3) Akta WTD 1965, tiada faedah bagi bayaran balik WTD dalam simpanan Pendaftar.

**7. Adakah Pendaftar menetapkan had tempoh masa untuk memohon bayaran balik WTD?**

Tiada had masa bagi permohonan bayaran balik WTD.



**8. Adakah Pendaftar ada melantik agen?**

Kementerian Kewangan atau Pendaftar WTD tidak pernah melantik mana-mana individu/firma/syarikat sebagai orang tengah atau agen untuk urusan tuntutan bayaran balik WTD.

**9. Apakah dokumen asas yang diperlukan bagi permohonan tuntutan bayaran balik WTD?**

Dokumen asas yang diperlukan bagi permohonan tuntutan bayaran balik WTD adalah seperti berikut:

- i. Borang permohonan (UMA-7)
- ii. Dokumen pengenalan diri/syarikat
- iii. Dokumen asal WTD seperti sijil simpanan tetap, buku akaun simpanan atau surat pengesahan (jika dokumen asal WTD tiada)
- iv. Salinan akaun bank aktif yang mengandungi maklumat nama dan nombor akaun yang jelas dan nama bank

**10. Apakah maksud dokumen pengenalan diri/syarikat?**

Maksud dokumen pengenalan diri/syarikat adalah seperti berikut:

- i. Kad pengenalan (hadapan dan belakang) bagi warganegara Malaysia;
- ii. Dokumen pertukaran nama daripada agensi berkaitan (sekiranya ada);
- iii. Akuan Pelepashakan Kewarganegaraan Malaysia daripada Jabatan Pendaftaran Negara sekiranya telah bertukar kerakyatan;
- iv. Pasport terkini dan passport semasa transaksi dilakukan di Malaysia yang disahkan oleh Notari Awam/Pegawai Konsulat Negara berkenaan bagi bukan warganegara Malaysia;
- v. Dokumen pengenalan diri Negara berkenaan bagi bukan warganegara Malaysia yang disahkan oleh Notari Awam/Pegawai Konsulat Negara berkenaan; dan

- vi. Sijil Pendaftaran dan Sijil Pertukaran Nama (sekiranya berkaitan) bagi syarikat/firma.

**11. Apakah dokumen tambahan yang diperlukan bagi permohonan oleh waris empunya WTD bagi jumlah RM2000 dan ke bawah?**

Dokumen tambahan yang diperlukan bagi permohonan oleh waris empunya WTD bagi jumlah RM2000 dan ke bawah adalah seperti berikut:

- i. Salinan sijil kematian empunya WTD;
- ii. Salinan dokumen yang menunjukkan pertalian seperti sijil kelahiran atau sijil nikah; dan
- iii. Borang Bon Tanggungrugi(UMA-8) yang lengkap diisi bagi setiap rekod WTD simati

**12. Apakah dokumen tambahan yang diperlukan bagi permohonan oleh waris empunya WTD bagi jumlah RM2000 dan ke ke atas?**

Dokumen tambahan yang diperlukan bagi permohonan oleh waris empunya WTD bagi jumlah RM2000 dan ke atas adalah Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka yang diterima pakai oleh Pendaftar sahaja.

**13. Adakah surat pengesahan dari syarikat/firma yang membuat serahan diperlukan oleh Pendaftar bagi amaun WTD kurang RM2000?**

Surat pengesahan dari syarikat/firma yang membuat serahan adalah tidak diperlukan bagi amaun WTD kurang RM2000, sekiranya nama dan no kad pengenalan pemohon adalah sama seperti dalam rekod Pendaftar kecuali WTD jenis ‘akaun lain, bank draf/*telegraphic transfer* (TT) dan perkhidmatan bank lain’.

**14. Bagaimana tuntutan bayaran balik WTD jenis Akaun Bersama (*Joint Account*) dibuat sekiranya semua empunya WTD berkenaan masih hidup?**

Bayaran tuntutan balik WTD jenis Akaun Bersama (*Joint Account*) akan dibuat ke dalam akaun bersama semua empunya WTD tersebut atau dibuat secara sama rata kepada semua pemegang akaun dan permohonan perlu dibuat secara serentak bagi semua empunya WTD.

Bagi kes-kes tertentu di mana permohonan tidak dapat dibuat secara serentak, Pendaftar berhak membuat bayaran sama rata kepada pemohon yang mengemukakan tuntutan secara berasingan dengan syarat perlu mengisi Bon Tanggungrugi (UMA-8) dan menyertakan dokumen tambahan (sekiranya dikehendaki oleh Pendaftar).

**15. Bagaimana tuntutan bayaran balik WTD jenis Akaun Bersama (*Joint Account*) dibuat sekiranya salah seorang empunya WTD berkenaan telah meninggal dunia?**

Bayaran tuntutan balik WTD jenis Akaun Bersama (*Joint Account*) akan dibuat secara sama rata kepada empunya WTD yang masih hidup dan waris empunya WTD yang telah meninggal dunia.

**16. Bagaimana tuntutan bayaran balik WTD jenis Akaun Amanah (ibu bapa/penjaga dan anak sahaja)?**

Bayaran tuntutan balik WTD jenis Akaun Amanah (ibu bapa/penjaga dan anak sahaja) akan dibuat kepada salah seorang pemegang akaun berkenaan.

**17. Siapakah yang boleh membuat permohonan tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD)?**

Permohonan tuntutan dibenarkan kepada pihak-pihak berikut:

- i. Empunya/pemilik WTD sendiri;
- ii. Pentadbir harta pusaka (wasi) yang dinamakan dalam Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka;
- iii. Waris (isteri/suami, anak atau ibu bapa) bagi WTD berjumlah RM2,000 dan ke bawah;
- iv. Pelikuidasi yang mewakili syarikat/firma yang sedang dalam proses penggulungan
- v. Individu atau syarikat/firma yang dinamakan dalam Perintah Mahkamah; atau
- vi. Suruhanjaya Syarikat Malaysia/Jabatan Insolvency Malaysia bagi syarikat/firma yang bubar atau individu bankrap

**18. Siapakah yang dibenarkan untuk membuat permohonan tuntutan WTD bagi individu?**

Permohonan tuntutan adalah dibenarkan kepada pihak-pihak berikut:

- i. Empunya/pemilik WTD sendiri;
- ii. Pentadbir harta pusaka (wasi) yang dinamakan dalam Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka;
- iii. Waris (isteri/suami, anak atau ibu bapa) bagi WTD berjumlah RM2,000 dan ke bawah;

**19. Siapakah yang dibenarkan mengemukakan tuntutan bagi WTD kepunyaan syarikat/firma?**

Permohonan tuntutan atas nama syarikat/firma hendaklah dibuat oleh syarikat/firma tersebut sahaja. Tiada bayaran dibenarkan kepada Pengarah Syarikat, pemegang saham, pekerja atau sebagainya kecuali perniagaan jenis milikan tunggal atau perkongsian boleh dibuat kepada pemilik tersebut.

**20. Adakah Sijil Faraid diterima sebagai Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka oleh Pendaftar?**

Tidak. Sijil Faraid tidak diterima sebagai Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka oleh Pendaftar. Permohonan bagi mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka hendaklah difailkan bersama Sijil Faraid samada di Amanah Raya Berhad atau di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau Mahkamah Tinggi Sivil.

**21. Apakah jenis Surat Kuasa mentadbir Harta Pusaka yang diterima pakai oleh Pendaftar?**

Jenis Surat Kuasa mentadbir harta pusaka yang diterima pakai oleh Pendaftar adalah seperti berikut:

- i. Surat Kuasa mentadbir atau *Letters of Administration* yang dikeluarkan mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959(Akta 97);
- ii. Surat Probet atau *Grant of Probate* yang dikeluarkan mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959(Akta 97);
- iii. *Letter of Administration/Grant of Probate*/Perintah Pembahagian/Pentadbir harta pusaka yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa/Pejabat Daerah di Sabah atau Sarawak;

- iv. Perintah Pembahagian yang dikeluarkan mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)1955; (Akta 98) oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG);
- v. Akuan/Arahan oleh Amanah Raya Berhad atau *Declaration/Direction by Amanah Raya Berhad* mengikut Akta Perbadanan Amanah Raya 1965 (Akta 532);

**22. Apakah jenis Surat Kuasa mentadbir Harta Pusaka yang diterima pakai oleh Pendaftar bagi Negeri Sabah?**

Bagi Negeri Sabah, Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka yang diterima pakai oleh Pendaftar adalah seperti berikut:

**i. Mahkamah Syariah**

Mengeluarkan Perintah Pembahagian Harta Pusaka serta Pelantikan Wasi (Pentadbir) Harta bagi seseorang yang beragama Islam sahaja.

**ii. Mahkamah Tinggi Sivil**

Mengeluarkan Probet atau Surat Kuasa Mentadbir bagi seseorang yang bukan beragama Islam.

**ii. Mahkamah Anak Negeri**

Mengeluarkan Surat Kuasa Mentadbir bagi seseorang Anak Negeri yang bukan beragama Islam

**23. Apakah dokumen asas yang diperlukan bagi tuntutan bayaran balik WTD oleh syarikat/ firma yang membuat serahan kepada Pendaftar?**

Dokumen asas yang diperlukan bagi tuntutan bayaran balik WTD oleh syarikat/ firma yang membuat serahan kepada Pendaftar adalah seperti berikut:

- i. Borang UMA-7 lengkap diisi
- ii. Salinan sijil pendaftaran syarikat/firma
- iii. Surat pengesahan mengenai serahan dan Salinan Daftar WTD
- iv. Surat Penjelasan mengenai tuntutan yang dibuat
- v. Bukti bayaran yang disahkan oleh pegawai syarikat
- vi. Bon Tanggungrugi (UMA-8) yang lengkap diisi
- vii. Salinan penyata bank yang aktif

**24. Sekiranya syarikat yang telah dibubarkan ada mempunyai WTD dalam simpanan Pendaftar, bagaimana tuntutan dibuat?**

Syarikat yang sedang dalam proses penggulungan adalah tertakluk kepada Seksyen 508 Akta Syarikat 2016. Sekiranya syarikat tersebut ada mempunyai WTD dalam simpanan Pendaftar, maka penerima (*receiver*) / pembubar (*liquidator*) yang telah dilantik mengikut Akta Syarikat 2016 boleh memohon untuk dibayar balik WTD tersebut bagi pihak syarikat yang sedang dibubarkan.

Bagi syarikat yang telah selesai proses penggulungan, mana-mana pihak yang berpendapat bahawa pihaknya mempunyai hak ke atas wang syarikat yang telah dibubarkan itu boleh memohon kepada mahkamah untuk dikeluarkan satu perintah kepada Pendaftar supaya membayar wang itu kepada pihak yang dinamakan oleh mahkamah berkenaan.

**25. Bolehkah empunya WTD yang telah bankrap membuat tuntutan?**

Empunya WTD yang diistiharkan bankrap menurut Akta Kebankrapan 1967 perlu membuat tuntutan melalui Ketua Pengarah Insolvensi.

**26. Bagaimanakah permohonan tuntutan bayaran balik bagi WTD jenis cek/bank draf/wang pos atas nama Ketua Pengarah Imigresen Malaysia sekiranya dokumen asal telah hilang?**

Pemohon perlu mendapatkan surat pelepasan dari Tingkat 2, Bahagian Kewangan Jabatan Imigresen Putrajaya.

**27. Bagaimanakah permohonan tuntutan oleh firma perkongsian yang tidak lagi beroperasi di mana semua pekongsi masih lagi hidup dan akaun bank perkongsian tidak aktif?**

Bayaran permohonan tuntutan akan dibuat seperti berikut;

- i. Akaun bersama pekongsi atau;
- ii. Jika tiada, berdasarkan nisbah pembahagian di dalam perjanjian perkongsian atau;
- iii. Secara samarata kepada semua pekongsi

**28. Apakah jenis akaun aktif yang tidak boleh digunakan bagi membuat permohonan tuntutan bayaran balik WTD?**

Jenis akaun aktif yang tidak boleh digunakan bagi membuat permohonan tuntutan bayaran balik WTD adalah seperti berikut:

- i. Akaun Tabung Haji
- ii. Akaun Pelaburan seperti Amanah Saham Berhad(ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN)
- iii. Akaun Pinjaman



### **(III) SEKURITI TAK DITUNTUT**

#### **1. Bagaimana caranya untuk menuntut sekuriti tak dituntut yang telah dipindah milik kepada Akauntan Negara Malaysia/Menteri Kewangan ?**

Pihak yang ingin menuntut sekuriti tak dituntut dalam simpanan Akauntan Negara Malaysia perlu menghubungi Unit Sekuriti, Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Oleh kerana sekuriti tak dituntut yang diterima adalah berdasarkan Akta-akta yang berlainan, permohonan tuntutan juga adalah berbeza selaras dengan peruntukan akta masing-masing seperti berikut:-

- a) Sekuriti yang diserahkan ke dalam mahkamah menurut peruntukan seksyen 65 Akta Syarikat Amanah 1949 dan Seksyen 36 Akta Pemegang Amanah 1949:
  - i) Pihak yang menuntut perlu mendapatkan satu perintah mahkamah yang membenarkan sekuriti tersebut diserahkan kepada pihak yang membuat tuntutan.
  - ii) Salinan perintah mahkamah yang diakui sah perlu dikemukakan bersama-sama permohonan semasa tuntutan dibuat.
  
- b) Sekuriti dipindah milik kepada Menteri Kewangan menurut peruntukan seksyen 583 Akta Syarikat 2016:
  - i) Pihak yang menuntut perlu mendapatkan surat pengesahan daripada syarikat yang menyerahkan sekuriti tersebut.
  - ii) Surat pengesahan serta sijil saham yang asal perlu dikemukakan sebagai dokumen sokongan semasa membuat tuntutan.

c) Sekuriti yang dipindah milik kepada Menteri Kewangan menurut peruntukan seksyen 14, 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan)(No.2) 1998:

i) Pihak yang menuntut perlu mengemukakan sijil saham asal sebagai dokumen sokongan semasa membuat permohonan.

**2. Perlukah saham bonus yang diterima oleh syarikat nominee, yang merupakan sekuriti tak dituntut, diserahkan kepada Akauntan Negara Malaysia?**

Seksyen 36 Akta Pemegang Amanah memperuntukkan bahawa syarikat amanah hendaklah menyerahkan kepada mahkamah sekuriti dalam tangan pihaknya yang tidak dituntut selama 6 tahun. Sehubungan dengan itu, sekuriti tersebut boleh diserahkan kepada Akauntan Negara Malaysia melalui perintah mahkamah.

**3. Apakah yang harus dilakukan oleh Pendaftar Saham Syarikat (Share Registrar)/Setiausaha Syarikat jika pihak itu tidak dapat menghubungi pemegang saham-saham tertentu?**

Seksyen 583 Akta Syarikat 2016 mengatakan bahawa jika sesebuah syarikat tidak dapat menghubungi satu-satu pemegang sahamnya bagi tempoh masa 10 tahun, syarikat berkenaan boleh mengiklankan maklumat itu dalam surat khabar. Sebulan selepas itu jika masih tiada balasan, syarikat itu boleh pindahmilik saham yang terlibat kepada Menteri Kewangan. Menteri Kewangan telah memberi kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia untuk menyimpan selamat sekuriti tak dituntut. Sekiranya ianya dijual, wang hasil jualannya akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

**4. Sekiranya penuntut telah kehilangan sijil saham yang asal, bagaimana tuntutan sekuriti tak dituntut yang diserahkan di bawah peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan)(No.2) 1998 boleh dibuat?**

Sekiranya sijil asal telah hilang, terdapat prosedur tambahan yang perlu dilakukan oleh penuntut. Penuntut perlu menghubungi Unit Sekuriti bagi mendapatkan jumlah hasil jualan dan dividen bagi sekuriti yang berkenaan.

Bagi jumlah tuntutan kurang dari \*RM10,00, dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan:-

- i) Surat Pengesahan asal dari Pendaftar Saham yang dialamatkan kepada JANM;
- ii) Surat Akuan Berkanun;
- iii) Laporan Polis yang asal atas kehilangan sijil/salinan yang telah diakui sah; dan
- iv) Borang UMA 8S “Pin 1/2016” (dimatikan setem hasil RM10.00 oleh LHDN/Pusat Setem)

Bagi jumlah tuntutan melebihi \*RM10,000(hasil jualan dan dividen), dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan:-

- i) Surat Pengesahan asal dari Pendaftar Saham yang dialamatkan kepada JANM;
- ii) Salinan iklan di surat khabar berkaitan kehilangan sijil. (Bayaran akan dibuat jika dalam tempoh 14 hari dari tarikh iklan, tiada tuntutan tebusan/bantahan dibuat oleh mana-mana pihak);
- iii) Laporan Polis yang asal atas kehilangan sijil/salinan yang telah diakui sah; dan
- iv) Borang Bon Tanggungrugi (UMA 8S) “Pin 1/2016” yang lengkap diisi dan dimatikan setem hasil RM10.00 oleh LHDN bagi setiaip butiran WTD